



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 26 / 2023**

### **URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.36 PELANGAI, PAHANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, Yang DiPertua Dewan Negeri Pahang**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang.
2. Sehubungan itu, SPR telah mengadakan Mesyuarat Khas pada hari ini, **24 Ogos 2023 (Khamis)** dan memutuskan satu **PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang** hendaklah diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut.
3. Bagi maksud menjalankan PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti berikut:

<b>Tarikh Writ</b>	:	<b>24 Ogos 2023 (Khamis)</b>
<b>Hari Penamaan Calon</b>	:	<b>23 September 2023 (Sabtu)</b>
<b>Hari Undi Awal</b>	:	<b>3 Oktober 2023 (Selasa)</b>
<b>Hari Mengundi</b>	:	<b>7 Oktober 2023 (Sabtu)</b>

4. Tempoh berkempen ditetapkan **14 hari** bermula selepas pengisytiharan calon-calon yang bertanding pada **23 September 2023 (Sabtu)** sehingga pukul **11.59 malam, 6 Oktober 2023 (Jumaat)**.
5. Urusan permohonan semua kategori undi pos luar negara dan dalam negara bagi Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang dibuka bermula dari hari ini, **24 Ogos 2023 (Khamis)**. Manakala tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori</b>	<b>Tarikh Tutup</b>
1	<b>1A</b> (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media)	<b>19 September 2023 (Selasa)</b>
2	<b>1B</b> (warganegara Malaysia yang berada di luar negara)	<b>2 September 2023 (Sabtu)</b>
3	<b>1C</b> (Agensi / Organisasi)	<b>5 September 2023 (Selasa)</b>

6. Permohonan undi pos bagi semua kategori iaitu **Kategori 1A (Anggota Polis, Petugas Pilihan Raya, Anggota/Pegawai SPR dan Petugas Media), Kategori 1B (Warganegara Malaysia yang tinggal di luar Negara) dan Kategori 1C (Agensi/Organisasi)**, dilaksanakan secara dalam talian (*online*).
  
7. Bagi menjalankan proses PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang, SPR telah melantik **seorang (1) Pegawai Pengurus Pilihan Raya** dibantu oleh **tiga (3) orang Penolong Pegawai Pengurus**. Manakala bagi tujuan memantau aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen, SPR akan menubuhkan **dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil-wakil calon yang bertanding.
  
8. Bagi maksud PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang, **Pusat Penamaan Calon (PPC)** dan **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi (PPRU)** yang digunakan adalah di **Dewan Orang Ramai Felda Kemasul**.

9. Seramai **312 orang petugas** akan dilantik bagi mengendalikan proses PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang. Manakala, sebanyak **sembilan (9) buah pusat mengundi biasa** yang mengandungi **30 tempat mengundi/saluran dan satu (1) pusat mengundi awal bagi pengundian yang mengandungi satu (1) tempat mengundi/saluran awal** akan digunakan. Keseluruhan jumlah pusat mengundi adalah sebanyak **10 buah dengan 31 tempat mengundi/saluran**. PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang memerlukan peruntukan sebanyak **RM2.1 juta**.
  
10. Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) yang akan digunakan untuk PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang adalah **daftar pemilih terkini sehingga Daftar Pemilih Tambahan Bulan Mei Tahun 2023 yang dikemaskini pada 17 Ogos 2023**. DPPR ini mengandungi seramai **16,456 orang pemilih yang terdiri daripada 16,417 orang pengundi biasa, 36 orang anggota polis dan 3 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**. DPPR bagi PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang akan mula dijual pada **18 September 2023 (Isnin)**.
  
11. Para pengundi boleh membuat **semakan maklumat** pengundian untuk mengetahui maklumat **pusat mengundi, saluran mengundi**

**dan nombor bilangan** mereka melalui portal semakan di pautan <https://mysprsemak.spr.gov.my> atau hubungi **Hotline SPR** di **talian 03-8892 7018/ 7218/ 7124** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**. Semakan maklumat pengundian akan **dibuka pada 18 September 2023 (Isnin)**.

12. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang, agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah digalakkan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
  
13. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di PPC yang telah ditetapkan oleh SPR.

14. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada **mana-mana agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau badan yang berminat** untuk menjadi **pemerhati pilihan raya** dalam melihat perjalanan **proses PRK** ini bermula dari **hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan**. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti **di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi** serta perlu mematuhi kesemua syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan.
15. **Maklumat lanjut dan borang permohonan** untuk pemerhati boleh diperolehi daripada **Portal SPR [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) mulai hari ini, 24 Ogos 2023 (Khamis) dan tarikh tutup permohonan pada 7 September 2023 (Khamis)**.
16. SPR akan meneruskan penyiaran secara langsung proses-proses pilihan raya menerusi *live streaming* bagi Pusat/Saluran Mengundi yang terpilih di laman *Facebook* SPR sebagaimana yang dilaksanakan pada pilihan raya sebelum ini.
17. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen **`Jom Kita Undi`** melalui pelbagai saluran

media termasuk di media elektronik, media sosial, hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik tumpuan awam dan tempat-tempat lain yang bersesuaian.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
24 Ogos 2023 / 7 Safar 1445H